

10/10/2003

Menghargai negarawan ulung

PAMERAN Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan, di Balai Seni Lukis Negara, di Kuala Lumpur bukan saja menarik minat orang dewasa, malah kanak-kanak juga mahu mengenali Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan melawat pameran berkenaan.

Antaranya, Mohd Zarif Nizmi Zaini, 6, yang turut melukis salah satu gambar Dr Mahathir (gambar) di pameran sambil ditemani dua adiknya, Fatin Zafirah, 4 dan Fatimah Diana, 2.

Ibu mereka, Rubiah Ramli, 35, berkata, beliau membawa anaknya ke pameran berkenaan untuk menekankan pengorbanan yang dicurahkan Dr Mahathir sepanjang pentadbirannya.

"Mohd Zarif Nizmi mengenali siapa Dr Mahathir kerana ketika belajar pra-sekolah, dia sudah didedahkan dengan nama dan siapa Perdana Menteri Malaysia.

"Apabila datang ke pameran ini dia kelihatan gembira kerana dapat melihat pelbagai wajah Dr Mahathir dalam pelbagai keadaan.

"Adiknya juga mengenali siapa Dr Mahathir dan suka melihat gambar yang dipamerkan," katanya,

Rubiah berkata, beliau memang sudah berjanji untuk membawa anaknya ke pameran berkenaan selepas mengetahui mengenainya sebelum pameran itu bermula bagi mengingatkan mereka mengenai sumbangan Dr Mahathir kepada negara.